

HELAIAN PENDEDAHAN PROGRAM

| | |
|---|--|
| <p>Anda diingatkan untuk membaca helaian pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Jaminan Bank Atas Kaunter. Anda juga diingatkan untuk sentiasa mencari dan mendapatkan nasihat undang-undang bebas anda sendiri. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank (M) Berhad (“Bank”) sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma umum yang dinyatakan di dalam dokumen ini.</p> | <p>AmBank (M) Berhad</p> <p>Jaminan Bank Atas Kaunter</p> <p>Tarikh: 30 November 2023</p> |
| <p>1. Apakah perlu saya ketahui tentang produk ini?</p> <p>Jaminan Bank Atas Kaunter (“OTCBG”) ialah Jaminan Bank (“BG”) yang mana pengeluarannya adalah atas pembayaran kepada Bank oleh Pelanggan sejumlah wang yang setara dengan amaun BG dan semua caj Bank yang berkenaan melalui permohonan di seluruh rangkaian cawangan Bank yang meluas di Malaysia.</p> | |
| <p>2. Apakah yang boleh saya peroleh dari produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anda boleh memohon OTCBG tertakluk pada pematuhan ciri-ciri yang berikut: - <ul style="list-style-type: none"> a. Untuk pemegang akaun semasa Bank tertakluk kepada kelulusan Bank; b. Atas nama Benefisiari pemastautin yang diterima oleh Bank; c. Pengeluaran mengikut format standard Bank atau format yang diterima oleh Bank; d. Dalam denominasi Ringgit Malaysia (“RM”) untuk amaun minimum RM1,000 sehingga maksimum RM1,000,000, tertakluk kepada amaun maksimum RM1,000,000 bagi setiap Pelanggan; e. Untuk sebarang tempoh menurut kewajipan Pelanggan; f. Atas pembayaran tunai penuh yang setara dengan amaun OTCBG dan semua caj yang berkenaan, iaitu komisen pengeluaran berdasarkan bulan atau sebahagian daripadanya, duti setem dan kurier, yang mana hanya bayaran yang setara dengan amaun OTCBG boleh dipulangkan semula tanpa faedah jika tiada tuntutan terhadap OTCBG selepas pembatalan; dan g. Tujuan OTCBG adalah selaras dengan keperluan perniagaan Pelanggan dan boleh diterima oleh Bank. • Anda boleh mendapat BG dengan kadar cepat untuk memenuhi keperluan Benefisiari anda. | |
| <p>3. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membayar ganti rugi kepada Bank atas semua liabiliti berkaitan dengan OTCBG yang dikeluarkan, termasuk memberikan kuasa kepada Bank untuk melunaskan tuntutan daripada Benefisiari dengan menggunakan wang yang Pelanggan bayar kepada Bank sewaktu OTCBG dikeluarkan. • Memenuhi semua kewajipan anda terhadap Benefisiari yang berkaitan dengan OTCBG untuk mengelakkan tuntutan terhadap OTCBG. • Memastikan dana akaun mencukupi dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit akaun anda di Bank sejumlah wang yang setara dengan amaun OTCBG dan caj, komisen, yuran dan/atau belanja tunai langsung Bank berhubung dengan pengeluaran OTCBG. • Memohon OTCBG melalui mana-mana cawangan Bank dengan menyerahkan dokumen berikut: - <ul style="list-style-type: none"> i. Borang permohonan OTCBG berserta terma dan syarat; ii. Salinan dokumen pendaftaran Pelanggan: - <ul style="list-style-type: none"> a) Untuk individu: Kad Pengenalan atau pasport b) Untuk bukan individu: Dokumen pendaftaran syarikat | |

cth. Borang D/E atau Borang 9 (atau borang berkanun di bawah Seksyen 15 Akta Syarikat 2016), 24 dan 49 (atau borang berkanun di bawah Seksyen 78; Seksyen 58 Akta Syarikat 2016) dan apa-apa dokumen tambahan yang Bank perlukan.

Nota: Salinan Diperakui Sah oleh setiausaha syarikat diperlukan jika terdapat percanggahan.

- iii. Sampel format BG yang bakal digunakan; dan
- iv. Salinan dokumen sokongan untuk kontrak/perjanjian secara dasar, jika berkenaan.

4. Apakah harga, yuran dan caj yang dikenakan?

| No. | Harga | Kadar |
|-----|---|---|
| 1 | Komisen Pengeluaran | 0.125% sebulan atau sebahagian daripadanya Minimum: RM150 |
| 2 | Komisen bagi pindaan OTCBG yang melibatkan lanjutan tarikh luput atau peningkatan amaun | Kadar menurut Komisen Pengeluaran sebulan atau sebahagian daripadanya bagi tempoh yang dilanjutkan/nilai tambahan tertakluk kepada jumlah minimum sebanyak RM50 bagi setiap pindaan. <i>Nota:</i> <i>Untuk pindaan yang melibatkan nilai tambahan, bayaran komisen yang akan dikenakan untuk pindaan tersebut ialah perbezaan antara Komisen Pengeluaran yang dikira mengikut amaun yang dipinda dari tarikh pengeluaran asal atau tarikh berkuat kuasa, mana yang lebih awal, sehingga suatu tarikh seperti yang ditakrifkan dalam OTCBG sebagai tarikh luput OTCBG (termasuk mana-mana lanjutan yang diberikan), atau pada tarikh luput permintaan/tempoh tuntutan, yang mana lebih kemudian, tolak Komisen Pengeluaran yang dikumpulkan.</i> |
| No. | Yuran dan Caj | Tarif |
| 1 | Pindaan OTCBG selain lanjutan tarikh luput dan peningkatan amaun | RM50 sahaja |
| 2 | Tuntutan terhadap OTCBG – Yuran pemprosesan | RM100 sahaja |
| 3 | Penyerahan hak OTCBG | 0.1% daripada amaun jaminan Minimum: RM250 |
| 4 | Duti Setem | Mengikut Akta Duti Setem 1949 (Dipinda pada tahun 1989) |
| 5 | Perkhidmatan Kurier | Dalam Malaysia: RM15 Di Luar Malaysia: Tertakluk pada destinasi |

Harga, yuran atau caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk mana-mana cukai kerajaan yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada masa sekarang mahupun pada masa akan datang. Sekiranya kerajaan mengenakan apa-apa cukai ke atas yuran atau caj disebabkan oleh pindaan undang-undang atau apa-apa faktor yang lain, Bank berhak mengubah atau menyemak semula jumlah wang yang perlu dibayar.

Tiada bayaran balik akan dibuat oleh Bank bagi apa-apa komisen yang dibayar oleh anda kepada Bank sekiranya terdapat apa-apa pembatalan awal atau pemulangan OTCBG sebelum tarikh luput.

5. Bagaimanakah jika saya gagal melaksanakan kewajipan saya?

- Tuntutan mungkin dibuat atas OTCBG oleh Benefisiari.
- Setelah menerima tuntutan bertulis patuh syarat, Bank akan membayar Benefisiari dengan menggunakan wang yang anda bayar kepada Bank sewaktu OTCBG dikeluarkan, untuk menyelesaikan tuntutan dengan pemberitahuan kepada anda.
- Bank boleh menggunakan haknya dan memulakan proses pemungutan/tindakan undang-undang yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, prosiding kemuflihan/penggulungan (jika jumlah tertunggak mencapai had tertentu). Aset anda mungkin dibekukan dan disita sekiranya diisytiharkan mufliis/dikenakan penggulungan.
- Tindakan undang-undang ke atas anda juga mungkin menjejaskan taraf kredit anda yang menyebabkan pinjaman kredit anda lebih sukar atau mahal.
- Hak tolak selesai: Bank berhak untuk menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda di Bank untuk melunaskan jumlah tunggakan mana-mana kemudahan di Bank. Walau bagaimanapun, jumlah tolak selesai akan diberitahu kepada anda sebelum dilaksanakan.

6. Bagaimanakah jika saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Pembayaran penuh sebelum tarikh luput tidak terpakai untuk OTCBG kerana OTCBG bukan pinjaman.
- OTCBG boleh dibatalkan sebelum tarikh luput tertakluk kepada penerimaan surat pelepasan tanggungan oleh pihak Bank daripada Benefisiari yang dialamatkan kepada Bank untuk melepaskan liabiliti dan kewajipan Bank di bawah OTCBG.
- Selepas pembatalan OTCBG, sejumlah wang yang anda telah bayar kepada Bank untuk amaun OTCBG tolak apa-apa amaun dituntut yang telah dibayar oleh Bank atau komisen, sekiranya ada, akan dikembalikan kepada anda tetapi komisen untuk baki tempoh OTCBG sehingga tarikh luput tempoh tuntutan tidak akan dikembalikan kepada anda.

7. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans?

- Tidak berkenaan.

8. Apakah risiko utama?

- OTCBG biasanya tidak bersyarat dan Benefisiari hanya perlu membuat tuntutan secara bertulis dan Bank perlu membayar tuntutan jika tuntutan tersebut mematuhi terma dan syarat OTCBG.
- Adalah tanggungjawab Benefisiari untuk mengisytiharkan kemungkiran atau kegagalan Pelanggan menunaikan kewajipan dan Bank tidak akan memeriksa kemungkiran atau kegagalan tersebut.

9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Tidak berkenaan.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan maklumat hubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh menghubungi/memberi makluman secara bertulis kepada Pengurus Perhubungan masing-masing.

11. Di manakah tempat untuk mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami melalui:

AmBank Contact Centre
No. Kotak Pejabat Pos 12617, 50784 Kuala Lumpur,
Tel.: (603) 2178 8888

E-mel: customercare@ambankgroup.com

- Sekiranya anda tidak berpuas hati terhadap penyelesaian ke atas pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK melalui:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50450 Kuala Lumpur.
Tel.: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK melalui:

Level 5 & 6,
Menara Aras Raya
(Formerly known as Menara Bumiputra Commerce)
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2616 7766
E-mel: enquiry@akpk.org.my

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk butiran tentang manfaat, yuran dan caj, anda boleh melayari www.ambankgroup.com.

13. Lain-lain produk perdagangan yang tersedia: -

- | | |
|--|--|
| • Jaminan Bank | • Pembiayaan Invois |
| • Surat Kredit | • Pinjaman Perdagangan Mata Wang Asing |
| • Penerimaan Jurubank | • Pendahuluan Kredit Pembungkusan |
| • Pembelian Bil Keluar Lansung | • Resit Amanah Ringgit |
| • Kutipan/Pembelian/Rundingan Berdokumen | • Jaminan Perkapalan |
| • Pembiayaan Semula Kredit Eksport | • Surat Kredit Tunggu Sedia |

PENTING! CAGARAN ANDA MUNGKIN DICAIRKAN SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah dari 30 November 2023 sehingga kemas kini yang seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk mendapatkan maklumat terkini.

Semua kiraan dan kadar di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Penafian: Kemudahan sebenar yang akan disediakan oleh Bank adalah bergantung pada penilaian kredit anda yang dilakukan oleh Bank. Penghantaran helaian pendedahan produk ini kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh Bank untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

Saya/Kami mengakui bahawa terma kontrak utama dan kewajipan kewangan saya/kami di bawah produk kewangan ini telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah daripada AmBank (M) Berhad.

.....

Nama:

Nombor KP:

Tarikh:

Atau

Untuk dan bagi pihak

No. Pendaftaran:

.....

(Penandatanganan dibenarkan/Pengarah)

Tarikh:

AmBank (M) Berhad (196901000166 (8515-D))

Ahli Kumpulan AmBank